



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN ANALISIS ISOTOPE RATIO MASS
SPECTROMETRY (IRMS) BAGI ATLET ANGKAT BERAT TEMASYA
SUKMA XX MSN 2022**

Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) telah menerima pengesahan keputusan dari Makmal Anti-Doping, Doha, Qatar (ADLQ) bagi analisis dua (2) sampel atlet angkat berat SUKMA XX, MSN 2022 yang didapati positif atau *Adverse Analytical Finding (AAF)*.

Pihak makmal telah menjalankan analisis susulan berikutan bacaan profil steroid atlet adalah tidak normal sebagaimana yang direkodkan di dalam Sistem Pentadbiran & Pengurusan Anti-Doping (ADAMS) yang dibangunkan oleh Agensi Anti-Doping Dunia (WADA). Analisa susulan yang dijalankan adalah *Isotope Ratio Mass Spectrometry (IRMS)* iaitu teknik analitikal yang perlu dilaksanakan kepada sampel yang mempunyai bacaan profil steroid abnormal sebelum AAF dibuktikan. Kaedah ini dapat mengenal pasti sumber testosterone dari dalam badan sama ada secara semula jadi atau faktor luaran (eksogenous).

Hasil IRMS mengesahkan bahawa *exogenous hormone administration* iaitu penggunaan pelbagai hormon atau analog (bahan yang berfungsi sama) sama ada dalam rawatan perubatan, atau sebagai bahan yang meningkatkan prestasi, telah menjejaskan profil steroid yang tertera di dalam *Athlete Biological Passport (ABP)* atlet berkenaan.

Keputusan IRMS ini juga telah dirujuk kepada kumpulan pakar IRMS WADA yang mengesahkan penemuan bahan terlarang dalam kedua-dua sampel berkenaan iaitu dalam kelas **S1.1 Anabolic Androgenic Steroids (AAS)**.

Pihak ADAMAS akan mengambil tindakan selanjutnya berdasarkan kepada ADAMAS *Anti-Doping Rules 2021* dan *International Standard for Results Management (ISRM)*.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
28 DISEMBER 2022**